

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 22 OGOS 2014 (JUMAAT)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Algaetech bina kemudahan astaxanthin bernilai RM27j	Harian Metro
2	Algaetech labur RM27 juta	Kosmo
3	Labur RM27j bina kilang alga mikro	Utusan Online
4	Algaetech akan bangunkan kemudahan astaxanthin bernilai RM27 juta	Bernamea.com
5	Guna topi keledar diluluskan SIRIM	Harian Metro
6	Kea rah melahir generasi baru pandai besi	Bernamea.com

KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (BISNES): MUKA SURAT 62  
TARIKH: 22 OGOS 2014 (JUMAAT)

## Algaetech bina kemudahan astaxanthin bernilai RM27j

**Kuala Lumpur:** Algaetech International Sdn Bhd (Algaetech) membangunkan kemudahan astaxanthin bernilai RM27 juta untuk penanaman *Haematococcus pluvialis* di Taman Teknologi Malaysia (TTM), yang pertama seumpamanya di Asean bertujuan menembusi pasaran Amerika Syarikat (AS) dan New Zealand.

*Haematococcus pluvialis* adalah mikroalgae yang menghasilkan super anti-oxidant dikenali sebagai astaxanthin.

Ketua Pegawai Eksekutif Algaetech Syed Isa Syed Alwi berkata, kemudahan itu dijangka siap akhir tahun ini manakala pengeluaran pertama pada suku pertama 2015.

“Selepas kemudahan ini siap, Algaetech berupaya menghasilkan 3.5 tan metrik biomass sebulan, menjadikannya satu daripada pengeluar *Haematococcus pluvialis* biomass terbesar di rantau ini,” katanya.

KERATAN AKHBAR  
KOSMO (NIAGA): MUKA SURAT 52  
TARIKH: 22 OGOS 2014 (JUMAAT)

Bina kemudahan tanam haematococcus pluvialis terbesar di Asia Tenggara  
**Algaetech labur RM27 juta**

**KUALA LUMPUR** - Algaetech International Sdn. Bhd. (Algaetech) bakal membangunkan kemudahan penanaman haematococcus pluvialis untuk pengeluaran astaxanthin bernilai RM27 juta di **Taman Teknologi Malaysia (TTM), Bukit Jalil, Selangor.**

Haematococcus pluvialis adalah mikroalga yang menghasilkan *super anti-oxidant* dikenali sebagai astaxanthin yang mempunyai nilai perubatan yang tinggi.

Penyelidikan oleh pakar global mendapati, carotenoid astaxanthin 6,000 kali lebih kuat berbanding vitamin C dan dipercayai boleh mengurangkan risiko barah, meningkatkan ketahanan dan pemulihan otot serta keupayaan antipenuaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Algaetech, Syed Isa Syed Alwi berkata, kemudahan itu dijangka siap pada akhir tahun ini manakala pengeluaran pertama dijangka pada suku pertama 2015.

Tambah beliau, pengeluaran bahan tersebut adalah untuk pasaran Amerika Syarikat dan New Zealand.

"Algaetech dijangka berupaya menghasilkan sebanyak 3.5 tan metrik biomass sebulan, menjadikannya satu daripada pengeluar haematococcus pluvialis biomass terbesar di rantau ini.

"Kami juga merancang membina kemudahan yang sama dengan pelaburan RM27 juta di Brunei," katanya kepada pemberita selepas pelancaran projek berkenaan di sini semalam.

Menurut Syed Isa, kemudahan di Brunei dijangka bermula pada awal 2015 dan ia bakal menggandakan pengeluaran kepada 7.0 tan metrik apabila ia siap pada akhir 2015.

Kemudahan di TTM itu dibina di atas tanah seluas 2.07 hektar yang dipajak dari **Technology Park Malaysia Corp Sdn. Bhd.**

"Ia bakal mempunyai keluasan

lantai 100,000 kaki persegi dan kawasan memproses bio serta makmal yang dilengkapi jentera berteknologi tinggi terkini," jelasnya.

Syed Isa berkata, pihaknya turut merancang untuk menyenaraikan syarikat itu di Bursa Singapura menjelang awal 2015 bagi mengembangkan lagi perniagaan itu ke seluruh dunia.

Dalam pada itu, **Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV), Datuk Md. Zubir Ansori Yahaya** berkata, MDV sentiasa menjadi penyokong perkembangan teknologi, menyambut baik usaha syarikat teknologi daripada pelbagai sektor teknologi.

"Sebagai pembiaya projek mikroalga ini, MDV melihat potensi dan minat yang tinggi daripada pasaran dan sangat yakin ia akan berjaya dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara," katanya. - Bernama



SYED ISA (kiri) dan Md. Zubir (kanan) merasmikan projek pengeluaran astaxanthin pertama di Asia Tenggara di Kuala Lumpur semalam.



## Labur RM27j bina kilang alga mikro

KUALA LUMPUR 21 Ogos - Algaetech International Sdn. Bhd. (Algaetech) akan membangunkan kemudahan kilang pengeluaran alga mikro, haematococcus pluvialis di Taman Teknologi Malaysia (TPM) di Bukit Jalil di sini dengan nilai pelaburan sebanyak RM27 juta.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Syed Isa Syed Alwi berkata, kemudahan itu bagi menembusi pasaran eksport ke Amerika Syarikat (AS) dan New Zealand.

Jelasnya, kemudahan itu dijangka siap menjelang akhir tahun ini sementara pengeluaran pertama alga mikro ini adalah pada suku pertama tahun depan.

Katanya, setelah kemudahan itu siap, Algaetech mampu mengeluarkan sebanyak 3.5 tan biojisim alga mikro tersebut sebulan, menjadikan syarikat sebagai pengeluar terbesar biojisim haematococcus pluvialis di rantau ASEAN.

"Pengeluaran mikro alga ini adalah untuk pasaran eksport sepenuhnya iaitu ke AS dan New Zealand. Penggunaan mikro alga haematococcus pluvialis sangat meluas di dunia terutama di AS dan Jepun," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis pelancaran kemudahan astaxanthin di TPM di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Debt Ventures Bhd. (MDV) Berhad, Datuk Md. Zubir Ansori Yahaya dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TPM, Datuk Mohd. Azman Shahidin.

Haematococcus pluvialis menghasilkan bahan antioksidan yang dinamakan astaxanthin.

Penyelidikan di seluruh dunia membuktikan carotenoid astaxanthin adalah 6,000 kali lebih kuat daripada vitamin C dan dikatakan mampu mengurangkan risiko kanser, meningkatkan pemulihan otot dan melambatkan proses penuaan.

Kemudahan pengeluaran di TPM adalah di kawasan seluas 2.07 hektar secara sub pajakan daripada Technology Parks Malaysia Corp. Sdn. Bhd. dengan saiz keluasan lantai 100,000 kaki persegi. Kawasan makmal dan pemprosesan bio akan dilengkapi dengan mesin-mesin berteknologi tinggi.



## **Algaetech Akan Bangunkan Kemudahan Astaxanthin Bernilai RM27 Juta**

KUALA LUMPUR, 21 Ogos (Bernama) -- Algaetech International Sdn Bhd sedang membangunkan kemudahan astaxanthin bernilai RM27 juta untuk penanaman Haematococcus pluvialis di Taman Teknologi Malaysia (TTM), yang pertama seumpamanya di Asean, yang bertujuan menembusi pasaran AS dan New Zealand.

Haematococcus pluvialis adalah mikroalgae yang menghasilkan super anti-oxidant dikenali sebagai astaxanthin.

Ketua Pegawai Eksekutif Algaetech, Syed Isa Syed Alwi berkata, kemudahan itu dijangka siap akhir tahun ini manakala pengeluaran pertama pada suku pertama 2015.

"Selepas kemudahan itu siap, Algaetech berupaya menghasilkan 3.5 tan metrik biomass sebulan, menjadikannya satu daripada pengeluaran Haematococcus pluvialis biomass terbesar di rantau ini.

"Kami juga merancang membina kemudahan yang sama dengan pelaburan RM27 juta di Brunei," katanya kepada pemberita selepas pelancaran projek berkenaan di sini, Khamis.

Menurutnya, kemudahan di Brunei dijangka bermula pada awal 2015 dan ini akan mengandakan pengeluaran kepada 7.0 tan metrik apabila ia siap pada akhir 2015.

Kemudahan di TTM dibina di tanah seluas 2.07 hektar yang dipajak dari **Technology Park Malaysia Corp Sdn Bhd.**

Ia akan mempunyai keluasan lantai 100,000 kaki persegi dan kawasan memproses bio dan makmal akan dilengkapi jentera berteknologi tinggi terkini.

Penyelidikan oleh pakar global membuktikan carotenoid astaxanthin adalah 6,000 kali lebih kuat daripada Vitamin C dan juga diketahui boleh mengurangkan risiko barah, meningkatkan ketahanan dan pemulihan otot serta mengandungi keupayaan antipenuaan.

Syed Isa juga merancang menyenaraikan syarikat itu di Bursa Singapura menjelang awal 2015 bagi mengembangkan lagi perniagaan ke seluruh dunia.

**Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV), Datuk Md Zubir Ansori Yahaya** turut hadir di majlis pelancaran itu.

Sebagai pembiaya projek, Md Zubir berkata, MDV sentiasa menjadi penyokong perkembangan teknologi, menyambut baik usaha syarikat teknologi daripada pelbagai sektor teknologi.

"Sebagai pembiaya projek mikroalgae ini, MDV melihat potensi dan perminatan daripada pasaran dan sangat yakin ia akan berjaya dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara," katanya.

# Guna topi keledar **dilulus** SIRIM

■ Allianz Malaysia dengan kerjasama JKJR adakan kempen kesedaran

Oleh Yahya Awang  
am@hmetro.com.my  
Taiping

Syarikat Allianz General Insurance Company Malaysia Berhad (Allianz Malaysia) dengan kerjasama Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (JKJR) mengadakan kempen meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai keselamatan jalan raya.

Pengurus Alliance Malaysia Kawasan Perak Chin Chap Nguen berkata, dalam kempen dianjurkan di sekitar kawasan Taiping, pihaknya menaja 50 topi keledar diluluskan SIRIM.

"Penunggang motosikal yang menggunakan topi keledar dengan betul berupaya mengurangkan risiko kematian sehingga 40 peratus ketika kemalangan.

"Mungkin ramai dalam kalangan penunggang motosikal kurang menitikberatkan aspek keselamatan penggunaan topi keledar dan keadaan terbabit semanganya boleh mendatangkan bahaya," katanya.

Chin berkata, sepanjang kempen yang berlangsung selama dua jam itu, pihaknya bersama JKJR turut mengedarkan 600 pelekat yang direka khas untuk penunggang motosikal yang boleh meningkatkan penglihatan pengguna kenderaan lain terhadap penunggang dan pembonceng.

Menurutnya, sebanyak 20 kerusi 'booster' khas untuk keselamatan kanak-kanak juga diedarkan kepada pengguna jalan raya yang membawa bersama kanak-kanak.

"Kerusi ini direka khas yang bertindak sebagai rintangan kepada kanak-kanak untuk membolehkan mereka menggunakan tali pinggang keledar penumpang kenderaan dengan meningkatkan ketinggian tempat duduk supaya sebahagian bingkai tali pinggang keledar melepasi bahu mereka.

"Malah, ia berupaya merentasi dada dan bahagian pusingan tali pinggang keledar dipakai rendah di atas riba kanak-kanak," katanya selepas Kempen Advokasi Keselamatan Jalan Raya de-



KEMPEN keselamatan pengguna jalan raya anjuran Allianz Malaysia dengan JKJR di sekitar Taiping.

ngan kerjasama JKJR dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), di sini.

Chin berkata, kerjasama dengan JKJR dilakukan sejak 18 Julai 2011 membabitkan 91 kempen advokasi di seluruh

negara dengan lebih 400 kakitangan Allianz Malaysia dilatih JKJR sebagai duta keselamatan jalan raya.

"Allianz Malaysia berharap melalui kerjasama dengan JKJR ini boleh memberi

manfaat dalam usaha menurunkan kadar kematian jalan raya di Malaysia," katanya.

Chin berkata, tahun ini pihaknya merancang menganjurkan kempen keselamatan

jalan raya di sekolah, universiti, di kawasan kemalangan dengan kadar kemalangan motosikal yang tinggi serta ketika musim perayaan bagi mewujudkan kesedaran jalan raya.

**FAKTA**  
Taja 50 topi keledar diluluskan SIRIM



## Ke Arah Melahir Generasi Baru Pandai Besi™

Oleh Balqis Jamaludin

BUTTERWORTH (Bernama) -- Industri pembuatan perkakas besi di Pekan Darat, Butterworth, yang diasaskan pada 1841 oleh Haji Salleh yang berhijrah dari Patani, Selatan Thailand pada tahun 1820, kini berkembang pesat.

Kepakaran dan kemahiran usahawan tradisional Melayu dalam bidang ini menjadikan golongan tukang besi di Pekan Darat menerima jolokan 'pandai besi' dalam kalangan penduduk tempatan.

Perusahaan ini dan kemahirannya diwarisi secara turun-temurun, daripada generasi ke generasi, sehinggalah generasi sekarang.

Para pengusaha ini, yang terlatih dan berpengalaman, menghasilkan pelbagai produk berasaskan besi seperti parang, kacip, sabit kelapa sawit dan keris.

### PANDAI BESI YANG MENGAGUMKAN

Menurut Othman Abu Hassan, 50, proses bagi menghasilkan produk besi di sini menggunakan kaedah reka bentuk mengikut keseragaman dan memenuhi kehendak pasaran.

Othman, yang 30 tahun berkecimpung dalam industri ini berkata, pisau menoreh getah adalah produk utama keluaran Pandai Besi yang dipasarkan di seluruh negara.

"Setakat ini pembuatan pisau di sini masih lagi menggunakan teknik tradisional iaitu pandai besi yang memerlukan peranan penggadam dan petukang untuk memotong, memukul dan mereka bentuk sesebuah perkakas besi itu mengikut saiz yang diingini oleh pelanggan", katanya ketika ditemui Bernama di bengkelnya bersempena Program Jom Jelajah Koperasi Pulau Pinang 2014.

Dalam tempoh sehari, sebanyak 30 hingga 50 bilah perkakas besi dihasilkan melalui kaedah ini.

Pada waktu cuaca baik dan aktiviti menoreh getah rancak dijalankan oleh para penoreh, katanya, pendapatan yang diterima oleh golongan pandai besi mampu mencecah sehingga RM5,000 sebulan.

Para penoreh akan kerap menukar pisau mereka kerana peralatan itu hanya dapat bertahan sehingga dua bulan dan perlu diganti baru.

Selain itu, katanya, beliau dan rakan-rakan menyediakan bekalan keris untuk kegunaan para pengamal Silat Gayong terutama di Kedah dan Negeri Sembilan.

"Namun permintaan keris tidak kerap, hanya sebanyak tiga bilah dalam tempoh enam bulan dengan memberi pendapatan sebanyak RM900", katanya.

## WARISAN PANDAI BESI SEMAKIN DITINGGALKAN

Namun, kemahsyuran industri pembuatan besi ini dikhuatiri akan tinggal sejarah berikutan semakin berkurangnya generasi pandai besi daripada kalangan belia.

Othman berkata kebanyakan golongan belia di kampung ini lebih memilih untuk bekerja dalam sektor perkilangan terutama apabila kawasan Prai dibangunkan sebagai kawasan perindustrian.

"Mereka lebih gemar membawa haluan masing-masing dan memilih untuk 'makan gaji' di kilang daripada pulang ke kampung dan menjadi tukang besi seperti kami", katanya.

Othman mengakui, walaupun mempunyai tujuh orang anak dan lima daripadanya lelaki, namun tiada seorang pun anak yang ingin mengikut jejak langkahnya.

## PEMBANGUNAN SEMULA PERUSAHAAN PANDAI BESI

Sulaiman Ishak, Pengerusi Koperasi Pandai Besi Pekan Darat Pulau Pinang Berhad (pihak yang menguruskan industri besi Pekan Darat), berkata perusahaan yang kini dikendalikan 67 anggotanya mendapat perhatian Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang, Unit Penyelarasan Pelaksanaan dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Lanjutan daripada itu, pada tahun 2012, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Perda) dilantik sebagai agensi pelaksana untuk membangun dan menjenamakan semula produk keluaran Pandai Besi Pekan Darat, Seberang Perai Utara, di bawah Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) supaya ia menjadi lebih produktif, berdaya saing dan membawa lebih keuntungan.

Melalui program yang menerima peruntukan sebanyak RM1.5 juta daripada Kerajaan Persekutuan, perusahaan sedia ada di Pekan Darat akan dibangunkan semula meliputi kerja-kerja menaiktaraf bengkel, pemasangan mesin dan peralatan baru, pembinaan galeri dan pusat jualan selain program pembangunan modal insan.

**SIRIM Berhad** pula dilantik sebagai perunding kerja-kerja perolehan dan pemasangan mesin.

Melalui Program ini juga, pihaknya menerima mesin-mesin pembuatan besi yang baru yang akan beroperasi dalam tempoh tiga bulan lagi.

"Melalui gabungan kepakaran pembuat besi di kampung ini dengan mesin-mesin yang berteknologi tinggi itu nanti, kuantiti pengeluaran perkakas besi akan meningkat daripada kira-kira 50 bilah hingga 200 bilah sehari dengan pendapatan kami dijangka turut meningkat", katanya.

Pegawai Penyelia Suruhanjaya Koperasi (SKM) Pulau Pinang Wilayah Seberang Perai Utara, Zuriati Osman berkata, melalui Program Penjenamaan Semula Perusahaan SDSI Pandai Besi Pekan Darat, pelbagai perancangan untuk pembangunan modal insan akan diperkukuhkan.

Golongan muda yang berhijrah akan dipanggil pulang ke kampung untuk mengikuti kursus kemahiran membuat peralatan besi sama ada dengan kaedah tradisional mahupun moden.

"Kita ingin membuat mereka yakin dan berkeinginan menjadi tukang besi sepenuh masa. Jika mereka mempunyai kesungguhan dan kemahiran pastinya pendapatan yang diterima nanti akan melebihi pendapatan bulanan yang mereka terima hasil daripada makan gaji di bandar", katanya.